

BAB 4

HASIL DAN PERBINCANGAN

4.1 Hasil

Seramai 94 responden dari setiap kategori perpustakaan sektor awam dan swasta telah dipilih sebagai sampel di dalam kajian ini (Jadual 1).

Jadual 1 menunjukkan kajian yang dijalankan merangkumi semua jenis perpustakaan yang terdapat di Malaysia. Persampelan yang diambil adalah secara rawak.

Jadual 1 : Taburan sampel mengikut kategori perpustakaan, N=94

JENIS PERPUSTAKAAN	BILANGAN	PERATUS (%)
Perpustakaan Negara	1	1.1
Perpustakaan Awam		
Negeri	13	13.8
Perbandaran / Bandaraya	3	3.2
Perpustakaan Akademik		
Awam	24	25.5
Swasta	31	33.0
Perpustakaan Khusus		
Awam	11	11.7
Swasta	11	11.7
JUMLAH	94	100

Dari jumlah 94 borang soal selidik yang telah dihantar, 74 (78.7 %) borang telah dikembalikan. Terdapat 5 (5.3 %) responden yang telah bertukar alamat. Manakala bagi responden yang lain, penyelidik telah menghantar surat peringatan sebulan selepas mengedarkan soalselidik yang pertama tetapi mereka masih tidak memulangkan borang soal selidik berkenaan. Jadual 2 menunjukkan responden yang telah memulangkan borang soalselidik.

Jadual 2: Taburan responden yang telah memulangkan borang soalselidik mengikut jenis perpustakaan, N=74.

JENIS PERPUSTAKAAN	JUMLAH	PERATUS (%)
Perpustakaan Negara	1	1.4
Perpustakaan Awam		
Negeri	11	14.9
Perbandaran / Bandaraya	2	2.7
Perpustakaan Akademik		
Awam	22	29.7
Swasta	20	27.0
Perpustakaan Khusus		
Awam	10	13.5
Swasta	8	10.8
JUMLAH	74	100

Perpustakaan Negara telah mengembalikan borang soalselidik berkenaan diikuti dengan perpustakaan awam sebanyak 13 responden (17.6%) telah menjawab. Manakala 41 responden (55.4%) dari kategori perpustakaan akademik yang terdiri dari perpustakaan universiti, kolej dan politeknik telah mengembalikan soalselidik tersebut. Seterusnya bagi perpustakaan khusus pula, sebanyak 25.7% (19 responden) telah memulangkan borang berkenaan.

4.1.1 Bahagian pengkatalogan (Soalan 2)

Jadual 3 : Menunjukkan bilangan perpustakaan yang mempunyai Bahagian Pengkatalogan, N=74

PERPUSTAKAAN BAHAGIAN PENGKATALOGAN	Perpustakaan Negara	Perpustakaan Awam	Perpustakaan Akademik	Perpustakaan Khusus	JUMLAH
ADA	1 (1.4%)	13 (17.6%)	37 (50.0%)	15 (20.3%)	66 (89.2%)
TIADA	-	-	4 (5.4%)	4 (5.4%)	8 (10.8%)

Daripada 74 responden yang menjawab soalan berkenaan bahagian pengkatalogan, sebanyak 66 responden (89.2%) dari setiap kategori perpustakaan menjawab organisasi mereka mempunyai bahagian pengkatalogan. 8 responden (10.8%) pula tidak mempunyai bahagian tersebut di antaranya ialah 4 responden (5.4%) dari perpustakaan akademik dan 4 responden (5.4%) dari perpustakaan khusus (Jadual 3).

4.1.2 Tanggungjawab kerja pengkatalogan (Soalan 3)

Jadual 4 : Menunjukkan pegawai yang bertanggungjawab terhadap kerja pengkatalogan, N=74

PERPUSTAKAAN T/JAWAB KERJA PENGKATALOGAN	Perpustakaan Negara	Perpustakaan Awam	Perpustakaan Akademik	Perpustakaan Khusus	JUMLAH
Pustakawan	1 (1.4%)	3 (4.1%)	26 (35.1%)	8 (10.8%)	38 (51.4%)
Pegawai Perpustakaan	1 (1.4%)	2 (2.7%)	3 (4.1%)	4 (5.4%)	10 (13.5%)
Penolong Pegawai Perpustakaan	1 (1.4%)	8 (10.8%)	13 (17.6%)	2 (2.7%)	24 (32.4%)
Lain-lain	-	3 (4.1%)	1 (1.4%)	1 (1.4%)	5 (6.8%)

Soalan berkenaan tanggungjawab pegawai yang mengendalikan kerja-kerja pengkatalogan juga dikemukakan dan sebanyak 74 responden yang menjawab soalan ini. Seramai 38 responden (51.4%) mengatakan pustakawan yang bertanggungjawab dalam hal ini. Manakala 10 responden (13.5%) pula mengatakan pegawai perpustakaan sesuai menjalankan tugas berkenaan. Malah 24 responden (32.4%) berpendapat bahawa penolong pegawai perpustakaan adalah lebih sesuai. Walau bagaimana pun 5 responden (6.8%) merasakan bahawa kakitangan berjawatan lain (pembantu perpustakaan) yang perlu dipertanggungjawabkan (Jadual 4).

4.1.3 Pegawai yang menjalankan kerja pengkatalogan (Soalan 4)

Jadual 5 : Menunjukkan pegawai yang menjalankan kerja pengkatalogan, N=74

PERPUSTAKAAN PEGAWAI MENGKATALOG	Perpustakaan Negara	Perpustakaan Awam	Perpustakaan Akademik	Perpustakaan Khusus	JUMLAH
Pustakawan Profesional	1 (1.4%)	8 (10.8%)	26 (35.1%)	17 (23.0%)	52 (70.3%)
Kakitangan separa profesional/ sokongan	-	8 (10.8%)	23 (31.1%)	4 (5.4%)	35 (47.3%)

Soal selidik tersebut juga mengemukakan soalan berkenaan pegawai yang menjalankan kerja-kerja pengkatalogan di perpustakaan responden. Jumlah yang sama iaitu 74 responden telah menjawab. Jawapan yang diberi masih berpihak kepada pustakawan profesional iaitu sebanyak 52 responden (70.3%) berpendapat kerja tersebut masih dilakukan oleh golongan berkenaan. Manakala 35 responden (47.3%) telah menyerahkan kerja-kerja tersebut kepada kakitangan separa profesional/sokongan.

4.1.4 Proses Pengkatalogan (Soalan 5)

Jadual 6 : Menunjukkan proses pengkatalogan yang dilakukan, N=74

PERPUSTAKAAN PROSES PENGKATALOGAN	Perpustakaan Negara	Perpustakaan Awam	Perpustakaan Akademik	Perpustakaan Khusus	JUMLAH
Dalaman	1 (1.4%)	13 (17.6%)	39 (52.7%)	19 (25.7%)	72 (97.3%)
Kontrak	-	-	-	-	-
Outsource	-	-	2 (2.7%)	-	2 (2.7%)

Soalan berkenaan proses pengkatalogan yang dilakukan oleh setiap perpustakaan menunjukkan sebanyak 74 responden (97.3 %) melakukan proses pengkatalogan secara

dalam (internal cataloging). Jumlah ini merangkumi setiap jenis perpustakaan. Manakala 2 responden (2.7%) telah menjawab proses pengkatalogan bagi perpustakaan mereka dilakukan secara *outsource*. Kedua-dua jawapan berkenaan diberi oleh responden bagi perpustakaan akademik (Jadual 6).

4.1.5 Jumlah kakitangan profesional di Bahagian Pengkatalogan (Soalan 6)

Jadual 7 : Menunjukkan bilangan kakitangan profesional di Bahagian Pengkatalogan mengikut jenis perpustakaan, N=69

PERPUSTAKAAN BIL. KAKITANGAN	Perpustakaan Negara	Perpustakaan Awam	Perpustakaan Akademik	Perpustakaan Khusus	JUMLAH
1 – 3 orang	-	12 (17.4%)	30 (43.5%)	17 (24.6)	59 (85.5%)
4 – 7 orang	-	9 (13.0)	-	-	9 (13.0%)
8 – 10 orang	-	-	-	-	-
Lebih dari 10 orang	1 (1.4%)	-	-	-	1 (1.4%)

Bagi bahagian seterusnya soalan yang berkisar tentang kakitangan bahagian pengkatalogan dikemukakan. Jumlah kakitangan profesional di bahagian pengkatalogan ditetapkan dengan soalan berskala. Cuma 69 responden yang memberi jawapan di mana 59 responden (85.5%) mempunyai bilangan kakitangan profesional di antara 1 hingga 3 orang, 13.0% (9 responden) dari perpustakaan akademik pula mempunyai 4 hingga 7 orang kakitangan berkenaan. Hanya 1 responden (1.4%) yang mempunyai jumlah kakitangan melebihi 10 orang iaitu Perpustakaan Negara Malaysia (Jadual 7).

4.1.6 Tahap pendidikan kakitangan profesional (Soalan 7)

Jadual 8: Menunjukkan tahap pendidikan kakitangan profesional di bahagian pengkatalogan mengikut jenis perpustakaan, N=74

PERPUSTAKAAN \ TAHAP PENDIDIKAN	Perpustakaan Negara	Perpustakaan Awam	Perpustakaan Akademik	Perpustakaan Khusus	JUMLAH
PhD	-	-	-	1 (1.4%)	1 (1.4%)
Ijazah Sarjana	-	1 (1.4%)	12 (16.2%)	10 (13.5%)	23 (31.0%)
Diploma Lanjutan	1 (1.4%)	-	4 (5.4%)	-	5 (6.8%)
Ijazah Sarjana Muda	1 (1.4%)	10 (13.5%)	22 (29.7%)	6 (8.1%)	39 (52.7%)
Ahli persatuan profesional seperti ALA, ALAA	-	-	1 (1.4%)	2 (2.7%)	3 (4.1%)
Diploma	1 (1.4%)	3 (4.1%)	7 (9.5%)	3 (4.1%)	14 (18.9%)
Lain-lain	-	-	4 (5.4%)	-	4 (5.4%)

Berdasarkan kepada soalan tersebut, tahap pendidikan kakitangan profesional juga diperolehi. Berdasarkan jawapan yang diperolehi, tahap pendidikan yang paling banyak adalah Ijazah Sarjana Muda sebanyak 39 responden (52.7%). Manakala kelayakan bagi PhD cuma 1 responden (1.4%) sahaja dan terdapat juga 4 responden (5.4%) dari perpustakaan akademik menjawab lain-lain. Antara yang disenaraikan oleh mereka ialah Diploma Lepasan Ijazah dan Sijil (Jadual 8). Jumlah tahap pendidikan Ijazah Sarjana Muda ini telah menunjukkan keprofesionalan golongan tersebut dalam menepati jawatan berkenaan.

4.1.7 Jumlah kakitangan separa profesional/sokongan di Bahagian Pengkatalogan (Soalan 8)

Jadual 9 : Menunjukkan bilangan kakitangan separa profesional/sokongan di bahagian pengkatalogan mengikut jenis perpustakaan, N=71

PERPUSTAKAAN BILANGAN KAKITANGAN	Perpustakaan Negara	Perpustakaan Awam	Perpustakaan Akademik	Perpustakaan Khusus	JUMLAH
1 – 3 orang	-	4 (5.6%)	27 (38.0%)	16 (22.5%)	47 (66.2%)
4 – 7 orang	-	6 (8.5%)	9 (12.7%)	1 (1.4%)	16 (22.5%)
8 – 10 orang	1 (1.4%)	2 (2.8%)	2 (2.8%)	-	5 (7.0%)
Lebih dari 10 orang	-	1 (1.4%)	2 (2.8%)	-	3 (4.2%)

Soalan yang serupa iaitu yang berkaitan dengan bilangan kakitangan separa profesional/sokongan juga dikemukakan di dalam bentuk skala. Sebanyak 71 responden menjawab dan daripada bilangan tersebut, 47 responden (66.2%) mempunyai kakitangan berkenaan di antara 1-3 orang. Manakala 16 responden (22.5%) lagi menjawab 4-7 orang. Di samping itu terdapat juga 5 responden (7.0%) yang mempunyai jumlah kakitangan di antara 8-10 orang. Bagi perpustakaan yang mempunyai kakitangan lebih dari 10 orang pula terdiri dari 3 responden (4.2%) (Jadual 9).

4.1.8 Tahap pendidikan kakitangan separa profesional/sokongan (Soalan 9)

Jadual 10: Menunjukkan tahap pendidikan kakitangan separa profesional/sokongan di bahagian pengkatalogan mengikut jenis perpustakaan, N=71

PERPUSTAKAAN TAHAP PENDIDIKAN	Perpustakaan Negara	Perpustakaan Awam	Perpustakaan Akademik	Perpustakaan Khusus	JUMLAH
Ijazah Sarjana	-	-	-	-	-
Ijazah Sarjana Muda	-	-	1 (1.4%)	1 (1.4%)	2 (2.7%)
Diploma	1 (1.4%)	1 (1.4%)	5 (6.8%)	1 (1.4%)	8 (10.8%)
Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)	-	7 (9.5%)	13 (17.6%)	3 (4.1%)	23 (31.1%)
Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	1 (1.4%)	12 (16.2%)	26 (35.1%)	14 (18.9%)	53 (71.6%)
Lain-lain	-	-	1 (1.4%)	1 (1.4%)	2 (2.7%)

Di samping itu soalan berkaitan kelayakan akademik bagi kakitangan separa profesional/sokongan juga dikemukakan. Tahap pendidikan tertinggi bagi kakitangan separa profesional di Bahagian Pengkatalogan ialah Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Dari jumlah 71 responden yang menjawab, 53 responden (71.6%) yang memberi jawapan berkenaan. Manakala bagi aliran yang terendah pula terdapat dua jawapan iaitu yang berkelayakan Ijazah Sarjana Muda sebanyak 2 responden (2.7%) dan lain-lain tahap pendidikan juga sebanyak 2 responden (2.7%). Jawapan bagi lain-lain ialah kursus yang dijalankan oleh Perpustakaan Negara Malaysia dan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) (Jadual 10). Aliran ini menunjukkan bahawa kelayakan SPM adalah kelayakan asas untuk memegang jawatan kakitangan separa profesional/sokongan di perpustakaan amnya dan di bahagian pengkatalogan khususnya.

4.1.9 Jangkaan peranan Pustakawan Pengkatalogan (Soalan 10)

Jadual 11: Menunjukkan jangkaan peranan pustakawan pengkatalogan, N=74

PERPUSTAKAAN JANGKAAN PERANAN	Perpustakaan Negara	Perpustakaan Awam	Perpustakaan Akademik	Perpustakaan Khusus	JUMLAH
Pengkatalogan asal	1 (1.4%)	13 (17.6%)	39 (52.7%)	17 (23.0%)	70 (94.6%)
Pengkatalogan salinan	-	7 (9.5%)	28 (37.8%)	9 (12.2%)	44 (59.5%)
Pentadbiran	-	6 (8.1%)	24 (32.4%)	6 (8.1%)	36 (48.6%)
Menyediakan katalog Internet	1 (1.4%)	5 (6.8%)	18 (24.3%)	9 (12.2%)	33 (44.6%)
Sesi latihan penggunaan Internet	-	-	11 (14.9%)	3 (4.1%)	14 (18.9%)
Tugas-tugas rujukan	1 (1.4%)	6 (8.1%)	19 (25.7%)	11 (14.9%)	37 (50.0%)
Merekabentuk dan menyelenggara laman web	-	-	5 (6.8%)	3 (4.1%)	8 (10.8%)
Pengguna HTML	-	1 (1.4%)	5 (6.8%)	3 (4.1%)	9 (12.2%)
Memberi taklimat pengkatalogan kepada kakitangan dalaman dan luaran	1 (1.4%)	12 (16.2%)	32 (43.2%)	7 (9.5%)	52 (70.2%)
Tugas-tugas penyelidikan	-	2 (2.7%)	11 (14.9%)	6 (8.1%)	19 (25.7%)
Kerja-kerja penerbitan	1 (1.4%)	2 (2.7%)	(10.8%)	3 (4.1%)	14 (18.9%)
Membuat perancangan polisi dan peraturan perpustakaan	-	5 (6.8%)	20 (27.0%)	8 (10.8%)	33 (44.9%)
Mengawasi kerja-kerja kakitangan bukan profesional	1 (1.4%)	9 (12.2%)	29 (39.2%)	13 (17.6%)	52 (70.3%)
Lain-lain	1 (1.4%)	-	2 (2.7%)	1 (1.4%)	4 (5.4%)

Soalan berkisar jangkaan peranan pustakawan pengkatalogan di bahagian tersebut juga dikemukakan. Aliran yang tertinggi menujukkan jangkaan tersebut adalah melakukan pengkatalogan asal (*original cataloging*) dan 70 responden (94.6%) yang telah memberi jawapan tersebut. Manakala bagi aliran yang terendah ialah jawapan lain-lain yang diberikan oleh 4 responden (5.4%) (Jadual 11). Lain-lain jangkaan yang diberikan ialah melakukan penyuntingan rekod, menyelenggara data pengkatalogan,

menjalankan projek khas berkaitan pengkatalogan dan bertanggungjawab membangunkan sistem komputer yang berkaitan modul pengkatalogan dan *OPAC*. Daripada aliran yang diperolehi, didapati tugas-tugas tradisional masih menjadi satu kemestian kepada pustakawan pengkatalogan Walaupun demikian tugas-tugas yang berkaitan dengan teknologi tetap tidak diabaikan biarpun sedikit sahaja.

4.1.10 Jangkaan peranan kakitangan separa profesional/sokongan (Soalan 11)

Jadual 12 : Menunjukkan jangkaan peranan kakitangan separa profesional/sokongan. N=74.

PERPUSTAKAAN JANGKAAN PERANAN	Perpustakaan Negara	Perpustakaan Awam	Perpustakaan Akademik	Perpustakaan Khusus	JUMLAH
Pengkatalogan asal	-	5 (6.8%)	5 (6.8%)	2 (2.7%)	12 (16.2%)
Pengkatalogan salinan	1 (1.4%)	9 (12.2%)	27 (36.5%)	10 (13.5%)	47 (63.5%)
Pengkatalogan mudah	1 (1.4%)	13 (17.6%)	31 (41.9%)	16 (21.6%)	61 (82.4%)
Mengendalikan kerja-kerja transaksi pinjaman	1 (1.4%)	7 (9.5%)	25 (33.8%)	12 (16.2%)	45 (60.8%)
Pengaksesan data	1 (1.4%)	9 (12.2%)	33 (44.6%)	13 (17.6%)	56 (75.7%)
Memberi penerangan tentang bibliografi	1 (1.4%)	1 (1.4%)	15 (20.3%)	3 (4.1%)	20 (27.0%)
Menentukan tajuk perkara	-	2 (2.7%)	5 (6.8%)	2 (2.7%)	9 (12.2%)
Menyemak rekod- rekod bibliografi	-	4 (5.4%)	13 (17.6%)	3 (4.1%)	20 (27.0%)
Kerja-kerja pekeranian	1 (1.4%)	7 (9.5%)	31 (41.9%)	15 (20.3%)	54 (73.0%)
Lain-lain	-	1 (1.4%)	4 (5.4%)	1 (1.4%)	6 (8.1%)

Di dalam menentukan kejayaan bahagian pengkatalogan, peranan kakitangan separa profesional/sokongan juga diutamakan. Oleh yang demikian beberapa jangkaan terhadap peranan golongan tersebut dinyatakan. Sebanyak 74 responden juga yang

memberi jawapan dan aliran yang tertinggi bagi jangkaan peranan mereka ialah bagi tugas pengkatalogan mudah. Sebanyak 61 responden (82.4%) yang beranggapan tersebut. Bagi aliran yang terendah adalah untuk jawapan lain-lain iaitu sebanyak 6 responden (8.1%) (Jadual 12). Peranan yang dijangkakan oleh perpustakaan-perpustakaan berkenaan ialah mencetak label nombor panggilan, menginput data pengkatalogan ke dalam sistem komputer dan muat turun rekod pengkatalogan dari pangkalan data yang berkaitan. Aliran yang terdapat di sini ialah tugas pengkatalogan telah diperturunkan kepada mereka walaupun sekadar pengkatalogan mudah. Walau bagaimanapun tugas-tugas pekeranian dan pengkasesan data tetap menjadi tanggungjawab mereka.

4.1.11 Golongan yang bertanggungjawab melakukan proses pengkatalogan (Soalan 12)

Jadual 13: Menunjukkan golongan yang bertanggungjawab melakukan proses pengkatalogan. N=74.

PERPUSTAKAAN T/JAWAB MENGKATALOG	Perpustakaan Negara	Perpustakaan Awam	Perpustakaan Akademik	Perpustakaan Khusus	JUMLAH
Pustakawan Pengkatalogan	1 (1.4%)	11 (14.9%)	27 (36.5%)	15 (20.3%)	54 (73.0%)
Kakitangan separa profesional/ sokongan	1 (1.4%)	9 (12.2%)	30 (40.5%)	11 (14.9%)	51 (68.9%)

Seterusnya di dalam bahagian berkenaan pengkatalogan/pemerosesan teknikal, dikemukakan soalan berkenaan proses pengkatalogan dilakukan oleh golongan profesional atau kakitangan separa profesional/sokongan. Jawapan yang menunjukkan bahawa proses pengkatalogan dilakukan oleh pustakawan profesional adalah sebanyak 54 responden (73.0%). Ini merupakan aliran tertinggi antara dua jawapan tersebut. Walau

bagaimanapun tidak dinafikan bahawa tugas berkenaan juga dipertanggungjawabkan kepada kakitangan separa profesional/sokongan. Sebanyak 51 responden (68.9%) mengakui tanggungjawab tersebut (Jadual 13).

4.1.12 Jenis pengkatalogan dilakukan oleh kakitangan separa profesional/sokongan (Soalan 13)

Jadual 14: Menunjukkan jenis pengkatalogan yang dilakukan oleh kakitangan separa profesional/sokongan, N=74

PERPUSTAKAAN JENIS PENGKATALOGAN	Perpustakaan Negara	Perpustakaan Awam	Perpustakaan Akademik	Perpustakaan Khusus	JUMLAH
Pengkatalogan asal	-	5 (6.8%)	7 (9.5%)	1 (1.4%)	13 (17.6%)
Pengkatalogan salinan	1(1.4%)	6 (8.1%)	24 (32.4%)	9 (12.2%)	40 (54.1%)
Pengkatalogan mudah	1 (1.4%)	8 (10.8%)	21 (28.4%)	13 (17.6%)	43 (58.1%)

Seterusnya, soalan berkenaan jenis pengkatalogan yang dilakukan juga dikemukakan jika pengkatalogan tersebut dibuat oleh kakitangan separa profesional/sokongan. Tiga jenis pengkatalogan telah dikenalpasti iaitu pengkatalogan asal (*original cataloging*), pengkatalogan salinan (*copy cataloging*) dan pengkatalogan mudah (*simple cataloging*).

Sebanyak 74 responden yang menjawap, di dapati aliran tertinggi adalah bagi pengkatalogan mudah. Terdapat sebanyak 43 responden (58.1%) yang memberi jawapan tersebut. Sebaliknya jawapan untuk pengkatalogan asal hanya dijawab oleh 13 responden (17.6%) (Jadual 14). Ini menunjukkan bahawa kepercayaan pustakawan profesional

kepada golongan tersebut untuk membuat pengkatalogan adalah seiring dengan kemampuan dan pengetahuan mereka sahaja.

4.1.13 Jumlah bahan yang dikatalog (Soalan 14)

Bagi soalan yang seterusnya, dikemukakan pula tentang bilangan buku yang dapat dilakukan oleh pustakawan pengkatalogan dan kakitangan separa profesional/sokongan berdasarkan kepada jenis pengkatalogan tersebut. Soalan berkenaan juga berdasarkan skala.

a. Pustakawan pengkatalogan

Jadual 15 : Menunjukkan jumlah bahan yang dikatalog oleh pustakawan pengkatalogan secara pengkatalogan asal, N=74

PERPUSTAKAAN JUMLAH BUKU DIKATALOG	Perpustakaan Negara	Perpustakaan Awam	Perpustakaan Akademik	Perpustakaan Khusus	JUMLAH
1 – 20 judul/hari	-	5 (6.8%)	19 (25.7%)	12 (16.2%)	36 (48.6%)
21 – 40 judul/hari	-	-	3 (4.1%)	2 (2.7%)	5 (6.8%)
41 – 60 judul/hari	-	4 (5.4%)	4 (5.4%)	-	8 (10.8%)
61 – 80 judul/hari	-	-	-	-	-
81 – 100 judul/hari	-	1 (1.4%)	-	-	1 (1.4%)
Lebih dari 100 judul/hari	-	-	-	-	-

Bagi pustakawan pengkatalogan, didapati jumlah tertinggi bagi mereka melakukan pengkatalogan asal dengan 1 hingga 20 judul sehari adalah sebanyak 36 responden (48.6%). Manakala bagi jumlah pengkatalogan 81 hingga 100 judul sehari, terdapat hanya 1 responden (1.4%) sahaja yang termampu melakukannya iaitu dari perpustakaan awam (Jadual 15).

Jadual 16 : Menunjukkan jumlah bahan yang dikatalog oleh pustakawan pengkatalogan secara pengkatalogan salinan, N=74

PERPUSTAKAAN JUMLAH BUKU DIKATALOG	Perpustakaan Negara	Perpustakaan Awam	Perpustakaan Akademik	Perpustakaan Khusus	JUMLAH
1 – 20 judul/hari	-	-	12 (16.2%)	4 (5.4%)	16 (21.6%)
21 – 40 judul/hari	-	2 (2.7%)	6 (8.1%)	2 (2.7%)	10 (13.5%)
41 – 60 judul/hari	-	2 (2.7%)	2 (2.7%)	1 (1.4%)	5 (6.8%)
61 – 80 judul/hari	-	-	-	-	-
81 – 100 judul/hari	-	-	1 (1.4%)	-	1 (1.4%)
Lebih dari 100 judul/hari	-	-	2 (2.7%)	-	2 (2.7%)

Bagi tugas pengkatalogan salinan, dari jumlah responden yang sama juga telah menjawab soalan ini. Melalui pengkatalogan salinan, 16 responden (21.6%) merupakan aliran tertinggi untuk melakukan pengkatalogan bagi bilangan 1 hingga 20 judul sehari. Manakala bagi aliran yang terendah adalah 1 responden (1.4%) yang dapat melakukan tugas berkenaan untuk bilangan buku 81 hingga 100 judul sehari (Jadual 16).

Jadual 17 : Menunjukkan jumlah buku yang dikatalog oleh pustakawan pengkatalogan secara pengkatalogan mudah, N=74

PERPUSTAKAAN JUMLAH BUKU DIKATALOG	Perpustakaan Negara	Perpustakaan Awam	Perpustakaan Akademik	Perpustakaan Khusus	JUMLAH
1 – 20 judul/hari	-	3 (4.1%)	6 (8.1%)	4 (5.4%)	13 (17.6%)
21 – 40 judul/hari	-	-	6 (8.1%)	3 (4.1%)	9 (12.2%)
41 – 60 judul/hari	-	2 (2.7%)	1 (1.4%)	-	3 (4.1%)
61 – 80 judul/hari	-	-	-	-	-
81 – 100 judul/hari	-	-	2 (2.7%)	-	2 (2.7%)
Lebih dari 100 judul/hari	-	-	1 (1.4%)	-	1 (1.4%)

Pustakawan profesional juga melakukan tugas-tugas pengkatalogan mudah. Dengan bilangan responden yang sama, 13 responden (17.6%) melakukan tugas tersebut

pagi jumlah di antara 1 hingga 20 judul sehari. Ini merupakan aliran yang tertinggi dalam melakukan tugas tersebut. Di samping itu bagi aliran yang terendah, terdapat 1 responden (1.4%) dari perpustakaan akademik yang dapat melakukan pengkatalogan bagi lebih dari 100 judul sehari (Jadual 17).

b. Kakitangan separa profesional/sokongan

Jadual 18: Menunjukkan jumlah buku yang dikatalog oleh kakitangan separa profesional/sokongan secara pengkatalogan asal, N=74

PERPUSTAKAAN JUMLAH BUKU DIKATALOG	Perpustakaan Negara	Perpustakaan Awam	Perpustakaan Akademik	Perpustakaan Khusus	JUMLAH
1 – 20 judul/hari	-	5 (6.8%)	10 (13.5%)	4 (5.4%)	19 (25.7%)
21 – 40 judul/hari	-	-	1 (1.4%)	-	1 (1.4%)
41 – 60 judul/hari	-	1 (1.4%)	1 (1.4%)	-	2 (2.7%)
61 – 80 judul/hari	-	-	-	-	-
81 – 100 judul/hari	-	-	-	-	-
Lebih dari 100 judul/hari	-	-	-	-	-

Bagi kakitangan separa profesional/sokongan, dengan jumlah responden yang sama memberi jawapan. Aliran dalam melakukan tugas-tugas pengkatalogan asal dengan jumlah sebanyak 1 hingga 20 judul sehari merupakan yang tertinggi. Terdapat 19 responden (25.7%) yang dapat melakukannya. Manakala bagi aliran yang terendah adalah bagi kerja-kerja pengkatalogan ini ialah pada jumlah 21 hingga 40 judul sehari. Bilangan tersebut adalah 1 responden (1.4%) (Jadual 18).

Jadual 19: Menunjukkan jumlah bahan yang dikatalog oleh kakitangan separa profesional/sokongan secara pengkatalogan salinan, N=74

PERPUSTAKAAN	Perpustakaan Negara	Perpustakaan Awam	Perpustakaan Akademik	Perpustakaan Khusus	JUMLAH
JUMLAH BUKU DIKATALOG					
1 – 20 judul/hari	-	1 (1.4%)	13 (17.6%)	5 (6.8%)	19 (25.7%)
21 – 40 judul/hari	-	3 (4.1%)	11 (14.9%)	2 (2.7%)	16 (21.6%)
41 – 60 judul/hari	-	1 (1.4%)	3 (4.1%)	-	4 (5.4%)
61 – 80 judul/hari	-	-	1 (1.4%)	-	1 (1.4%)
81 – 100 judul/hari	-	1 (1.4%)	-	-	1 (1.4%)
Lebih dari 100 judul/hari	-	-	-	-	-

Bagi tugas pengkatalogan salinan pula bilangan responden yang menjawab masih sama iaitu 74. Dari Jadual 19 menunjukkan aliran tertinggi ialah jumlah bahan yang dikatalog di antara 1 hingga 20 judul sehari. Jumlah responden yang memberi jawapan tersebut ialah 19 responden (25.7%). Manakala aliran terendah terdiri dari dua iaitu 1 responden (1.4%) sahaja yang melakukan pengkatalogan bagi 61 hingga 80 judul sehari dan 1 responden (1.4%) juga yang melakukan tugas tersebut antara 81 hingga 100 judul sehari.

Jadual 20: Menunjukkan jumlah bahan yang dikatalog oleh kakitangan separa profesional/sokongan secara pengkatalogan mudah, N=74

PERPUSTAKAAN	Perpustakaan Negara	Perpustakaan Awam	Perpustakaan Akademik	Perpustakaan Khusus	JUMLAH
JUMLAH BUKU DIKATALOG					
1 – 20 judul/hari	-	4 (5.4%)	18 (24.3%)	6 (8.1%)	28 (37.8%)
21 – 40 judul/hari	-	2 (2.7%)	6 (8.1%)	3 (4.1%)	11 (14.9%)
41 – 60 judul/hari	-	2 (2.7%)	3 (4.1%)	-	5 (6.8%)
61 – 80 judul/hari	-	1 (1.4%)	-	-	1 (1.4%)
81 – 100 judul/hari	-	1 (1.4%)	-	-	1 (1.4%)
Lebih dari 100 judul/hari	-	1 (1.4%)	-	-	1 (1.4%)

Bagi soalan tugas pengkatalogan mudah, responden yang menjawab adalah sebanyak 74 juga. Bagi tugas tersebut sebanyak 28 responden (37.8%) telah mengakui tugas berkenaan dapat dilakukan untuk jumlah di antara 1 hingga 20 judul sehari. Bilangan ini merupakan aliran yang tertinggi. Terdapat kategori bagi aliran terendah iaitu semuanya adalah jawapan dari 1 responden (1.4%) sahaja. Aliran tersebut terdiri dari 61 hingga 80 judul sehari, 81 hingga 100 judul sehari dan lebih dari 100 judul sehari (Jadual 20).

4.1.14 Jenis bahan dikatalog (Soalan 15)

a. Pustakawan pengkatalogan

Jadual 21: Menunjukkan kategori bahan yang dikatalog oleh pustakawan pengkatalogan, N=74

KATEGORI BAHAN	Perpustakaan Negara	Perpustakaan Awam	Perpustakaan Akademik	Perpustakaan Khusus	JUMLAH
Buku	1 (1.4%)	13 (17.6%)	37 (50.0%)	17 (23.0%)	68 (91.9%)
Terbitan bersiri	1 (1.4%)	8 (10.8%)	23 (31.1%)	12 (16.2%)	44 (59.5%)
Cakera padat / laser	1 (1.4%)	7 (9.5%)	24 (32.4%)	7 (9.5%)	39 (52.7%)
Kaset	1 (1.4%)	7 (9.5%)	24 (32.4%)	4 (5.4%)	36 (48.6%)
Video	1 (1.4%)	6 (8.1%)	20 (27.0%)	7 (9.5%)	34 (45.9%)
Disket	-	4 (5.4%)	24 (32.4%)	3 (4.1%)	31 (41.9%)
Risalah	1 (1.4%)	6 (8.1%)	15 (20.3%)	5 (6.8%)	27 (36.5%)
Manuskrip	1 (1.4%)	5 (6.8%)	13 (17.6%)	3 (4.1%)	22 (29.7%)
Peta	1 (1.4%)	2 (2.7%)	15 (20.3%)	3 (4.1%)	21 (28.4%)
Slaid	1 (1.4%)	3 (4.1%)	15 (20.3%)	2 (2.7%)	21 (28.4%)
Mikrofilem	1 (1.4%)	2 (2.7%)	12 (16.2%)	4 (5.4%)	19 (25.7%)
Mikrofis	1 (1.4%)	2 (2.7%)	13 (17.6%)	3 (4.1%)	19 (25.7%)
Filem	1 (1.4%)	2 (2.7%)	11 (14.9%)	1 (1.4%)	15 (20.3%)
Poster	1 (1.4%)	2 (2.7%)	11 (14.9%)	1 (1.4%)	15 (20.3%)
Foto	1 (1.4%)	1 (1.4%)	10 (13.5%)	2 (2.7%)	14 (18.9%)
Filem strip	1 (1.4%)	1 (1.4%)	8 (10.8%)	1 (1.4%)	11 (14.9%)
Piring hitam	1 (1.4%)	2 (2.7%)	6 (8.1%)	1 (1.4%)	10 (13.5%)
Lain-lain	-	1 (1.4%)	6 (8.1%)	2 (2.7%)	9 (12.2%)

Di samping bilangan judul, maklumat mengenai jenis bahan juga diperolehi oleh penyelidik. Soalan yang dikemukakan dengan pecahan kepada 17 jenis bahan. Maklumat yang dikumpulkan adalah berdasarkan kepada pustakawan pengkatalogan dan kakitangan separa profesional/sokongan. Penerangan yang diberikan berdasarkan keutamaan bahan yang dikatalog. Bilangan responden yang menjawab adalah masih 74 responden. Buku merupakan aliran tertinggi yang menjadi pilihan utama pustakawan pengkatalogan untuk menjalankan tugas mengkatalog dan sebanyak 68 responden (91.9%) memberi kenyataan ini. Ini diikuti dengan terbitan bersiri sebanyak 44 responden (59.5%), bahan pandang dengar iaitu cakera padat/laser sebanyak 39 responden (52.7%), kaset sebanyak 36 responden (48.6%) dan video sebanyak 34 responden (45.9%). Manakala 9 responden (12.2%) menyatakan terdapat bahan-bahan lain yang dikatalog oleh golongan berkenaan mengikut kepentingan di organisasi masing-masing. Ini merupakan aliran yang terendah untuk bahan-bahan yang dikatalog. Bahan-bahan yang dimaksudkan ialah tesis, keratan akhbar, bahan-bahan salinan (*photostate copies*), paten, piawaian, *viva* dan *intellectual capital* (Jadual 21).

b. Kakitangan separa profesional/sokongan

Jadual 22: Menunjukkan kategori bahan yang dikatalog oleh kakitangan separa profesional/sokongan, N=74

KATEGORI BAHAN	Perpustakaan Negara	Perpustakaan Awam	Perpustakaan Akademik	Perpustakaan Khusus	JUMLAH
Buku	1 (1.4%)	12 (16.2%)	34 (45.9%)	15 (20.3%)	62 (83.8%)
Terbitan bersiri	-	7 (9.5%)	20 (27.0%)	9 (12.2%)	36 (48.6%)
Kaset	-	1 (1.4%)	15 (20.3%)	3 (4.1%)	19 (25.7%)
Cakera padat / laser	-	2 (2.7%)	9 (12.2%)	4 (5.4%)	15 (20.3%)
Video	-	2 (2.7%)	10 (13.5%)	2 (2.7%)	14 (18.9%)
Disket	-	1 (1.4%)	13 (17.6%)	-	14 (18.9%)
Risalah	-	4 (5.4%)	6 (8.1%)	1 (1.4%)	11 (14.9%)
Peta	-	1 (1.4%)	4 (5.4%)	1 (1.4%)	6 (8.1%)
Manuskrip	-	1 (1.4%)	3 (4.1%)	1 (1.4%)	5 (6.8%)
Slaid	-	-	4 (5.4%)	-	4 (5.4%)
Filem	-	-	5 (6.8%)	-	5 (6.8%)
Mikrofilem	-	-	3 (4.1%)	1 (1.4%)	4 (5.4%)
Filem strip	-	-	3 (4.1%)	-	3 (4.1%)
Poster	-	-	4 (5.4%)	-	4 (5.4%)
Mikrofis	-	-	2 (2.7%)	1 (1.4%)	3 (4.1%)
Piring hitam	-	-	3 (4.1%)	-	3 (4.1%)
Foto	-	-	3 (4.1%)	-	3 (4.1%)
Lain-lain	-	1 (1.4%)	1 (1.4%)	-	2 (2.7%)

Pecahan tersebut juga dibuat kepada kakitangan separa profesional/sokongan.

Bagi golongan ini susunan bahan juga menjadi keutamaan dalam tugas mengkatalog.

Buku juga menjadi pilihan utama dalam menjalankan tugas berkenaan. 62 responden (83.8%) menyatakan demikian.

Bagi aliran yang kedua tertinggi ialah bahan terbitan bersiri di mana 36 responden (48.6%) menyatakan bahan tersebut sebagai pilihan kedua untuk dikatalog oleh mereka.

Seterusnya bagi aliran terendah ialah 2 responden (2.7%) menyatakan bahawa tugas pengkatalogan juga dilakukan kepada bahan-bahan lain (Jadual 23) yang merupakan bahan terbitan organisasi seperti buletin, *newsletter* dan sebagainya.

4.1.15 Ciri-ciri menyemak rekod bibliografi (Soalan 16)

Jadual 23: Menunjukkan keutamaan entri judul sebagai ciri penyemakan rekod bibliografi, N=62

PERPUSTAKAAN KEUTAMAAN	Perpustakaan Negara	Perpustakaan Awam	Perpustakaan Akademik	Perpustakaan Khusus	JUMLAH
Pertama	-	2 (3.2%)	8 (12.9%)	8 (12.9%)	18 (29.0%)
Kedua	-	7 (11.3%)	13 (21.0%)	8 (12.9%)	28 (45.2%)
Ketiga	-	1 (1.6%)	8 (12.9%)	1 (1.6%)	10 (16.1%)
Keempat	-	1 (1.6%)	1 (1.6%)	2 (3.2%)	4 (6.5%)
Kelima	-	-	2 (3.2%)	-	2 (3.2%)

Dalam membuat tugas-tugas mengkatalog terdapat ciri-ciri tertentu bagi menentukan kualiti katalog berkenaan. Antara ciri-ciri yang tersenarai adalah pengarang, judul, entri tambahan, nombor panggilan dan tajuk perkara. Soalan yang dikemukakan adalah di dalam bentuk skala. Bagi soalan ini Perpustakaan Negara Malaysia dan beberapa perpustakaan lain tidak memberi sebarang jawapan. Oleh yang demikian jumlah responden yang menjawab adalah sebanyak 62 responden sahaja. Sebanyak 28 responden (45.2%) memilih entri judul sebagai pilihan kedua untuk menentukan ciri-ciri kualiti katalog. Cuma 2 responden (3.2%) memilih ciri tersebut sebagai pilihan kelima (Jadual 23).

Jadual 24 : Menunjukkan keutamaan entri pengarang sebagai ciri penyemakan rekod bibliografi, N=62

PERPUSTAKAAN KEUTAMAAN	Perpustakaan Negara	Perpustakaan Awam	Perpustakaan Akademik	Perpustakaan Khusus	JUMLAH
Pertama	-	7 (11.3%)	8 (12.9%)	7 (11.3%)	22 (35.5%)
Kedua	-	2 (3.2%)	8 (12.9%)	4 (6.5%)	14 (22.6%)
Ketiga	-	1 (1.6%)	5 (8.1%)	4 (6.5%)	10 (16.1%)
Keempat	-	1 (1.6%)	11 (17.7%)	4 (6.5%)	16 (25.8%)
Kelima	-	-	-	-	-

Penentuan seterusnya ialah melalui entri pengarang. Dengan jumlah yang menjawab sebanyak 62 responden, 22 responden (35.5%) telah memilih entri pengarang sebagai keutamaan menentukan kualiti katalog. Aliran yang terendah adalah 10 responden (16.1%) yang memilih ciri berkenaan sebagai pilihan ketiga. Dari sini dapat dilihat bahawa kualiti katalog terletak kepada nama pengarang yang mempunyai ciri-ciri tersendiri bagi setiap pengarang (Jadual 24).

Jadual 25 : Menunjukkan keutamaan entri tambahan sebagai ciri penyemakan rekod bibliografi, N=62

<u>PERPUSTAKAAN</u>	Perpustakaan Negara	Perpustakaan Awam	Perpustakaan Akademik	Perpustakaan Khusus	JUMLAH
<u>KEUTAMAAN</u>					
Pertama	-	-	1 (1.6%)	-	1 (1.6%)
Kedua	-	-	-	-	-
Ketiga	-	2 (3.2%)	1 (1.6%)	1 (1.6%)	4 (6.5%)
Keempat	-	2 (3.2%)	6 (9.7%)	4 (6.5%)	12 (19.4%)
Kelima	-	7 (17.7%)	24 (38.7%)	14 (22.6%)	45 (72.6%)

Di samping itu, entri tambahan juga dijadikan ciri penentuan kualiti katalog. Walau bagaimanapun ciri ini tidak menjadi pilihan kepada mana-mana responden. Aliran yang tertinggi untuk ciri ini adalah yang kelima iaitu sebanyak 45 responden (72.6%) menyatakan demikian. Biarpun demikian masih ada responden yang berpendapat sebaliknya. Satu responden (1.6%) dari perpustakaan akademik menjadikan entri tersebut sebagai pilihan pertama (Jadual 25). Ini menunjukkan bahawa ciri berkenaan tidak berapa penting dalam penentuan kualiti katalog.

Jadual 26 : Menunjukkan keutamaan nombor panggilan sebagai ciri penyemakan rekod bibliografi, N=62

PERPUSTAKAAN \ KEUTAMAAN	Perpustakaan Negara	Perpustakaan Awam	Perpustakaan Akademik	Perpustakaan Khusus	JUMLAH
Pertama	-	2 (3.2%)	6 (9.7%)	2 (3.2%)	10 (16.1%)
Kedua	-	-	6 (9.7%)	2 (3.2%)	8 (12.9%)
Ketiga	-	2 (3.2%)	10 (16.1%)	6 (9.7%)	18 (29.0%)
Keempat	-	5 (8.1%)	6 (9.7%)	5 (8.1%)	16 (25.8%)
Kelima	-	2 (3.2%)	4 (6.5%)	4 (6.5%)	10 (16.1%)

Nombor panggilan juga merupakan salah satu ciri untuk menentukan kualiti katalog. Daripada 62 responden yang memberi jawapan, terdapat 18 responden (29.0%) yang menyatakan sebagai pilihan yang ketiga. Ini merupakan aliran yang tertinggi. Sebaliknya, 8 responden (12.9%) yang merupakan aliran terendah berpendapat bahawa ciri ini merupakan pilihan kedua (Jadual 26). Ini menunjukkan bahawa ciri tersebut adalah satu ciri yang penting bagi penentuan kualiti katalog.

Jadual 27 : Menunjukkan keutamaan tajuk perkara sebagai ciri penyemakan rekod bibliografi, N=62

PERPUSTAKAAN \ KEUTAMAAN	Perpustakaan Negara	Perpustakaan Awam	Perpustakaan Akademik	Perpustakaan Khusus	JUMLAH
Pertama	-	-	9 (14.5%)	2 (3.2%)	11 (17.7%)
Kedua	-	2 (3.2%)	5 (8.1%)	5 (8.1%)	12 (19.4%)
Ketiga	-	5 (8.1%)	8 (12.9%)	7 (11.3%)	20 (32.3%)
Keempat	-	2 (3.2%)	8 (12.9%)	4 (6.5%)	14 (22.6%)
Kelima	-	2 (3.2%)	2 (3.2%)	1 (1.6%)	5 (8.1%)

Salah satu lagi komponen yang dijadikan ciri di dalam tugas tersebut ialah tajuk perkara. Dengan jumlah responden yang sama iaitu 62, aliran yang tertinggi ialah pilihan ketiga bagi ciri berkenaan. Sebanyak 20 responden (32.3%) berpendapat ciri tersebut

dapat diletak pada tahap berkenaan. Manakala bagi aliran yang terendah pula adalah sebagai pilihan kelima iaitu sebanyak 5 responden (8.1%) berpendapat demikian (Jadual 27). Daripada jawapan tersebut, dapat diandaikan bahawa ciri berkenaan adalah penting bagi penentuan kualiti katalog.

4.1.16 Penentuan kualiti katalog yang dibuat oleh kakitangan separa profesional (Soalan 17)

Jadual 28 : Menunjukkan penentuan kualiti bagi katalog yang dilakukan yang oleh kakitangan separa profesional/sokongan atau secara kontrak/*outsource*. N=67

PERPUSTAKAAN PENENTU KUALITI	Perpustakaan Negara	Perpustakaan Awam	Perpustakaan Akademik	Perpustakaan Khusus	JUMLAH
Pustakawan pengkatalogan	1 (1.5%)	10 (14.9%)	28 (41.8%)	15 (22.4%)	54 (80.6%)
Kakitangan separa profesional yang berpengalaman	-	-	6 (9.0%)	1 (1.5%)	7 (10.4%)
Pembekal berkenaan	-	-	-	-	-
Tiada semakan dilakukan	-	1 (1.5%)	4 (6.0%)	1 (1.5%)	6 (9.0%)

Bagi pengkatalogan yang dilakukan oleh kakitangan separa profesional/sokongan, kontrak atau *outsource* penentuan kualiti juga perlu dilakukan. Oleh itu, siapakah yang perlu menjalankan penyemakan dan kerja-kerja berkaitan ? Aliran tertinggi bagi jawapan yang diberikan adalah pustakawan pengkatalogan perlu melakukannya di mana 54 responden (80.6%) berpendapat demikian. Manakala aliran yang terendah berpendapat bahawa tiada semakan perlu dilakukan dan bilangan ini diperolehi dari 6 responden (9.0%) (Jadual 28). Ini menunjukkan bahawa pustakawan pengkatalogan masih

diperlukan walaupun kerja-kerja pengkatalogan tidak lagi dilakukan oleh mereka pada masa depan.

4.1.17 Pandangan bagi kualiti pengkatalogan kontrak/*outsource* (Soalan 18)

Jadual 29 : Menunjukkan pandangan terhadap kualiti pengkatalogan yang dilakukan secara kontrak/*outsource*, N=43

PERPUSTAKAAN PANDANGAN	Perpustakaan Negara	Perpustakaan Awam	Perpustakaan Akademik	Perpustakaan Khusus	JUMLAH
Sangat memuaskan	-	-	3 (7.0%)	-	3 (7.0%)
Memuaskan	-	2 (4.7%)	17 (39.5%)	3 (7.0%)	22 (51.2%)
Kurang memuaskan	-	4 (9.3%)	9 (20.9%)	5 (11.6%)	18 (41.9%)
Tidak memuaskan	-	-	-	-	-

Soalan terakhir yang dikemukakan adalah berkenaan pandangan responden terhadap kualiti pengkatalogan yang dilakukan secara kontrak/*outsource*. Sebanyak 43 responden sahaja yang memberi tindak balas bagi soalan tersebut. Dari bilangan tersebut sebanyak 22 responden (51.2%) berpendapat bahawa kualiti pengkatalogan yang dilakukan secara kontrak/*outsource* ini sekadar memuaskan sahaja. Ini mungkin pendapat yang berdasarkan kepada pengalaman perpustakaan-perpustakaan lain kerana kebanyakan responden membuat pengkatalogan secara dalaman. Walau bagaimanapun, terdapat 3 responden (7.0%) yang menyatakan bahawa ianya sangat memuaskan (Jadual 29) ini mungkin berdasarkan dari pengalaman yang telah dilalui oleh mereka.

4.2. Perbincangan

4.2.1 Peranan Asal Pustakawan Pengkatalogan

Beberapa kajian yang dilakukan oleh Futura (1990), Hyslop (1994) serta Buttlar dan Garcha (1998) mendapati pustakawan pengkatalogan masih perlu melakukan tugas-tugas asal mereka iaitu mengkatalog bahan perpustakaan. Kajian oleh Futura (1990) mendapati bahawa mengkatalog bahan-bahan yang sukar dan bermasalah masih memerlukan pustakawan pengkatalogan untuk melakukannya. Hyslop (1994) pula berpendapat bahawa pustakawan pengkatalogan masih perlu melibatkan diri di dalam kerja-kerja pengkatalogan walaupun berkurangan. Manakala menurut hasil kajian Buttlar dan Garcha (1998), Peranan pustakawan pengkatalogan adalah untuk membentuk rekod bibliografi terutamanya koleksi khusus. Hasil kajian ini juga selari dengan hasil kajian berkenaan. Kajian ini mendapati bahawa sebanyak 51.4% (38) responden masih berpendapat pustakawan pengkatalogan perlu melakukan kerja-kerja pengkatalogan. Ini diikuti dengan penolong pegawai perpustakaan sebanyak 32.4% (24) responden dan pegawai perpustakaan sebanyak 13.5% (10) responden (Jadual 30). Ini menunjukkan bahawa pustakawan pengkatalogan tidak dapat melepaskan tugas sebagai pengkatalog walaupun pelbagai tugas baru di pertanggungjawabkan kepada mereka.

Jadual 30 : Taburan responden yang telah memberi pendapat kepentingan membuat tugas pengkatalogan berdasarkan jawatan

JAWATAN PERPUSTAKAAN	Pustakawan	Pegawai Perpustakaan	Penolong Pegawai Perpustakaan	Lain-lain
Perpustakaan Negara	1 (1.4%)	1 (1.4%)	1 (1.4%)	-
Perpustakaan Awam	3 (4.1%)	2 (2.7%)	8 (10.8%)	3 (4.1%)
Perpustakaan Akademik	26 (35.1%)	3 (4.1%)	13 (17.6%)	1 (1.4%)
Perpustakaan Khusus	8 (10.8%)	4 (5.4%)	2 (2.7%)	1 (1.4%)
JUMLAH	38 (51.4%)	10 (13.5%)	24 (32.4%)	5 (6.8%)

4.2.2 Peranan Pustakawan Pengkatalogan Di Era Kini

Di dalam menghadapi era ledakan teknologi maklumat, pustakawan pengkatalogan juga dijangka memainkan pelbagai peranan selain dari mengkatalog bahan perpustakaan. Taklimat dan latihan pengkatalogan sebagaimana yang dinyatakan di dalam kajian oleh Hyslop (1994) serta Giesecke dan Walter (199_) telah membuktikan bahawa tugas tersebut penting dan sepatutnya dikendalikan oleh golongan profesional. Di dalam kajian ini sebanyak 70.3% (52) responden berpendapat sedemikian.

Ini diikuti dengan kebenaran kepada teori “*drift down*” yang dikemukakan oleh Gorman (1994) yang menyatakan bahawa setiap golongan mempunyai tugas sendiri dan pustakawan akan menjalankan tugas pengawalan bibliografi. Ini selari dengan kajian yang dibuat di mana sebanyak 70.3% (52) responden menyatakan tugas tersebut adalah menjadi tanggungjawab pustakawan pengkatalogan.

Peranan lain yang dijangka ialah melakukan tugas-tugas rujukan. Peranan ini telah dinyatakan oleh Eskoz (1991), Gorman (1996) dan di *1998 ALA Midwinter Conference*. Jawapan yang diperolehi adalah selari dengan kajian di mana sebanyak 50.0% (37) responden juga berpendapat sedemikian.

Tugas-tugas pentadbiran juga perlu dilakukan oleh pustakawan pengkatalogan. Ini telah dikaji oleh Futura (1990) serta Buttlar dan Garcha (1998). Jawapan yang diperolehi dari responden di dalam kajian ini bertepatan iaitu sebanyak 48.6% (36) responden bersetuju.

Perubahan peranan pustakawan pengkatalogan yang dijangkakan di dalam kajian Beacom (1996) serta Buttlar dan Garcha (1998) ialah mereka perlu menyediakan katalog internet. Ini dipersetujui oleh 44.6% (33) responden di dalam kajian ini.


Seterusnya ialah tugas merancang polisi dan peraturan perpustakaan. Menurut Giesecke dan Walter (199_), Hyslop (1994) serta Beacom (1996), tugas tersebut perlu dilakukan oleh golongan profesional juga. Hasil kajian ini selari dengan kajian yang dibuat iaitu sebanyak 44.6% (33) responden mengakuinya.

Bagi jangkaan tugas yang seterusnya ialah memberi taklimat bibliografi. Kajian yang dilakukan oleh Eskoz (1991) dan Sylvia (1997), mendapati bahawa pustakawan pengkatalogan sesuai melakukan tugas berkenaan. Ini juga telah dimaklumkan di dalam perbincangan *1998 ALA Midwinter Conference*. Di dalam kajian ini, 32 responden (43.2%) memberi jawapan yang positif terhadap jangkaan peranan tersebut.

Menurut Brisson (199_), Hyslop (1994), Beacom (1996), Eaton (1996) dan Meyer (1997), tugas pustakawan pengkatalogan amat berkait rapat dengan penggunaan internet dan pengaksesan bahan-bahan digital. Ini diakui oleh Giesecke dan Walter (199_) serta Byrum (1997) di dalam kajian mereka. Di dalam kajian ini, tugas-tugas ini tidak berapa diberatkan seperti mengadakan latihan internet sebanyak 18.9%, menggunakan HTML cuma 12.2% serta merekabentuk dan menyelenggara laman web ialah sebanyak 10.8% sahaja. Walaubagaimana pun, perbezaan perkara-perkara tersebut tetap diambil kira sebagai pembaharuan tanggungjawab dan peranan mereka (Carta 5).

4.2.3 Peranan Kakitangan Separa Profesional/Sokongan Di Bahagian Pengkatalogan
Di dalam kajian yang dilakukan didapati bahawa 16.2% (12) responden menjangkakan bahawa golongan separa profesional melakukan juga tugas pengkatalogan asal. Keputusan dari kajian ini sama dengan keputusan yang diperolehi dari kajian yang dilakukan oleh Eskoz (1991) iaitu 30% menyatakan bahawa rekod bibliografi dilakukan

Carta 5: Nilai jangkaan peranan pustakawan pengkatalogan



oleh kakitangan separa profesional di dalam kajian pertama dan bertambah 35% di dalam kajian seterusnya dan Sibley (1998) menyatakan kakitangan separa profesional bukan sekadar menyalin katalog tetapi juga melakukan tugas pengkatalogan asal. Manakala menurut kajian Buttar dan Garcha (1998), 75% jawapan menyatakan aliran melibatkan kakitangan separa profesional membuat pengkatalogan asal. Perkara ini disokong oleh hasil kajian Oberg (1990) yang menunjukkan pengkatalogan asal dan pengelasan dilakukan oleh kakitangan separa profesional di perpustakaan ARL dan Gorman (1994) yang berpendapat perubahan peranan pustakawan pengkatalogan telah berlaku di mana pengkatalogan asal telah dipertanggungjawabkan kepada kakitangan separa profesional.

Di samping itu juga, kajian ini mendapati bahawa golongan berkenaan telah dipertanggungjawabkan untuk melakukan tugas-tugas pengkatalogan salinan dan mudah. Bagi pengkatalogan salinan, keputusan yang diperolehi ialah sebanyak 63.5% (47) responden. Keputusan ini didapati bertepatan dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Eskoz (1991) yang mendapati bahawa kebanyakan bahagian pengkatalogan telah memberi tanggungjawab kepada golongan berkenaan untuk melakukan pengkatalogan salinan dan Sibley (1998) pula mendapati kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa pada masa kini kakitangan separa profesional dan pekeranian juga melakukan proses menyalin katalog. Ini juga diperakukan menerusi artikel di dalam *World Book – ALA Goal Award Project on Library Support Staff* iaitu kakitangan separa profesional sekarang banyak melakukan tugas-tugas pengkatalogan salinan, pencarian data dalam talian dan penerangan bibliografi.

Bagi tugas pengkatalogan mudah pula, kajian ini mendapati sebanyak 82.4% (61) responden menyetujui peranan tersebut dilakukan oleh kakitangan separa

profesional/sokongan. Hasil kajian ini juga didapati selari dengan artikel yang ditulis oleh Howarth (1998) iaitu beliau berpendapat bahawa kakitangan separa profesional telah diberi tugas memproses pengkatalogan yang mudah pada masa sekarang.

Di samping menjalankan pengkatalogan, penentuan tajuk perkara dan pengkelasan juga telah dipertanggungjawabkan kepada golongan berkenaan. Di dalam kajian ini didapati sebanyak 12.2% (9) responden mengakui tentang penurunan tugas berkenaan kepada kakitangan separa profesional/sokongan. Hasil ini adalah selari dengan kajian yang dilakukan oleh Oberg (1990) yang menunjukkan pengkatalogan asal, analisa perkara dan pengkelasan dilakukan oleh kakitangan sokongan pada masa tersebut dan Eskoz (1991) pula mendapati penentuan tajuk perkara telah diserahkan kepada golongan berkenaan di dalam penyelidikan 1983-84 dan jawapan yang sama juga diperolehi pada 1986-87.

Manakala 60.8% (45) responden di dalam kajian ini berpendapat bahawa golongan ini juga perlu menjalankan kerja-kerja transaksi pinjaman bahan perpustakaan. Ini kerana tugas tersebut adalah tugas yang telah dilakukan oleh golongan berkenaan dari dahulu lagi. Di samping itu juga, ianya membantu melancarkan perjalanan perkhidmatan perpustakaan.

Tugas mengakses data di dalam talian untuk tujuan keperluan perpustakaan perlu dilakukan oleh golongan berkenaan kerana kakitangan separa profesional perlu lebih banyak membantu pustakawan pengkatalogan profesional di dalam menjalankan tugas di bahagian berkenaan. Di dalam kajian ini didapati 75.7% (56) responden memberi jangkaan terhadap peranan tersebut.

Kakitangan separa profesional/sokongan juga dijangka dapat memberi penerangan bibliografi sebagaimana yang dilakukan oleh golongan profesional. Ini kerana kebanyakan golongan tersebut telah dapat melakukan pengkatalogan sebagaimana pustakawan pengkatalogan profesional. Dengan pengetahuan dan pengalaman yang ada dapat memberi peluang kepada mereka untuk melakukan tugas berkenaan. Sebanyak 20 responden (27.0%) bersetuju dengan peranan tersebut. Nilai peranan tersebut dapat dilihat dari Carta 6.

4.2.4 *Outsource Tugas-tugas Pengkatalogan Dan Pengkatalogan Salinan*


Di dalam kajian yang dilakukan ini hanya terdapat 2.7% (2) responden sahaja iaitu dari perpustakaan akademik yang telah membuat pengkatalogan secara *outsource*. Hal ini mungkin berlaku kerana:

- a) kualiti *outsource* yang tidak menepati kehendak perpustakaan;
- b) harga untuk kerja-kerja *outsource* adalah terlalu tinggi;
- c) tidak terdapat sebuah agensi yang melakukan kerja-kerja *outsource*;
- d) *outsource* tidak popular di Malaysia manakala di Amerika Syarikat dan United Kingdom ia merupakan satu aliran;
- e) membuat pengkatalogan secara dalaman lebih menjimatkan masa.

Oleh itu keputusan ini tidak mencapai sebagaimana kajian pengkatalogan *outsource* yang dilakukan oleh Buttler dan Garcha (1998). Di mana menurut kajian tersebut kerja-kerja pengkatalogan dilakukan secara *outsource* kerana pustakawan pengkatalogan mempunyai pelbagai tanggungjawab.

Walaubagaimanapun sebanyak 51.2% (22) responden beranggapan bahawa kualiti pengkatalogan secara *outsource* adalah memuaskan. Ini sendiri diakui di dalam kajian

Carta 6: Nilai jangkaan peranan kakitangan separa profesional/sokongan



yang dilakukan oleh Hyslop (1994) iaitu *outsource* bukanlah ancaman tetapi ia mempunyai nilai yang dapat membantu sesetengah perpustakaan yang tidak mempunyai pakar di dalam satu-satu bahasa.

4.2.5 Penentuan Kualiti Katalog Yang Dilakukan Oleh Kakitangan Separa Profesional Dan Sokongan.

Sebanyak 80.6% (54) responden berpendapat bahawa pustakawan pengkatalogan adalah orang yang berkelayakan untuk memastikan kualiti katalog yang dilakukan oleh golongan berkenaan. Ini adalah seiring dengan kajian yang dilakukan oleh Eskoz (1991) yang menyatakan bahawa penyeliaan dan pemantauan dari pustakawan pengkatalogan akan membantu penentuan tersebut. Hasil kajian ini juga diakui oleh Gorman (1996).

Ini adalah kerana pustakawan pengkatalogan adalah seorang yang mendapat pendidikan secara formal untuk melakukan tugas-tugas berkenaan. Mereka diajar untuk membuat pengkatalogan dan pengkelasan secara teliti dengan menggunakan bahan-bahan rujukan yang berkaitan.

4.3 Kesimpulan

Di Malaysia, perubahan tanggungjawab pustakawan pengkatalogan masih belum ketara. Perubahan yang berlaku masih diperingkat permulaan. Walaubagaimanapun terdapat beberapa buah perpustakaan yang memberi penekanan kepada perubahan peranan pustakawan pengkatalogan terutama yang di dalam menjalankan tugas-tugas yang lebih profesional seperti merancang polisi perpustakaan, menjalankan tugas-tugas berkaitan pengkomputeran dan sistem serta lain-lain lagi.

Dari segi pembahagian jenis perpustakaan, perpustakaan akademik telah menampakkan perubahan yang agak ketara di dalam meperluaskan peranan golongan ini, biarpun peranan asal mereka sebagai pengkatalog masih tetap dilaksanakan dan kadang-kala hanya sebagai penyelia atau pemantau.

Peredaran masa juga telah menampakkan bahawa golongan separa profesional juga memainkan peranan dalam menjalankan tugas-tugas mengkatalog bahan perpustakaan dan tugas-tugas yang biasa dilakukan oleh pustakawan pengkatalogan suatu masa dahulu.

Perubahan yang dialami oleh Barat seperti pengkatalogan secara *outsource* kepada organisasi luar masih belum mendapat tempat di perpustakaan-perpustakaan di Malaysia. Mungkin ini akan mengambil masa memandangkan pustakawan pengkatalogan di sini masih banyak melakukan tugas-tugas tradisional mereka iaitu sebagai pengkatalog.